

Industri sarang burung walet perlu dana RM4b ^{UTUSAN} 8/8/12

KUALA LUMPUR 7 Ogos - Industri sarang burung walet memerlukan suntikan dana antara RM3 bilion hingga RM4 bilion supaya dapat diperluaskan dengan segera.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Abd. Aziz Jamaluddin berkata, suntikan itu boleh dibuat melalui peruntukan khusus atau institusi perbankan memandangkan dana yang diberikan sebelum ini tidak mencukupi.

Menurut beliau, peruntukan yang dicadangkan itu adalah selari dengan peranan industri sarang burung walet yang sudah dikenal pasti sebagai industri berimpak tinggi kepada ekonomi negara.

"Industri sarang burung walet ini berpotensi besar seperti minyak dan gas, cuma peruntukannya sangat terhad.

"Dengan peruntukan yang dicadangkan itu, ia akan memberi peluang kepada lebih banyak penyeritaan dalam industri berkenaan," katanya pada sidang akhbar selepas memberikan taklimat Peluang Industri Sarang Burung Walet anjuran Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) Muda di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Perdasama Muda, Datuk Sohaimi Shahadan.

Menurut Abd. Aziz, Malaysia yang merupakan pengeluar sarang burung walet kedua terbesar selepas Indo-

nesia perlu mengambil peluang untuk menerokai pasaran besar di China.

Katanya, ini kerana Malaysia menjadi negara pertama yang akan mendapat lesen mengeksport sarang burung walet selepas dibekukan sebelum ini.

"Malaysia yang diwakili oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar bakal menandatangani perjanjian protokol dengan China pada 20 September ini.

"Perjanjian itu untuk memastikan piawaian kualiti sarang burung walet dipatuhi sebelum dieksport ke China. Langkah itu bertujuan mengekang pengeksportan sarang burung palsu," katanya.